



**PERKAHWINAN  
DI  
DALAM  
ISLAM**

**DAN  
KELANGSUNGAN  
GENERASI  
PENERUS  
JEMAAT**




## AR RUM:22

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً  
ط

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَتَفَكَّرُونَ





*“Dan diantara tanda-tanda-Nya ialah,  
bahawa Dia menciptakan bagimu jodoh-  
jodoh dari jenismu sendiri, supaya kamu  
memperoleh **ketenteraman** padanya....”*


*(Ar-Rum:22)*






*“... dan Dia telah menjadikan di antara kamu **kecintaan** dan **kasih sayang**.....”*

*Ar-Rum:22*

- 
- Perkahwinan dalam Bahasa Arab disebut “nikah” atau “aqd” yang ertinya ikatan.
  - Islam mengajarkan bahawa ikatan itu adalah ikatan suci, perjanjian antara dua pihak yang ditetapkan syariat.

- 
- Di dalam Al Quran 'nikah' sering disebut bersama kata 'ihsan' yang bermaksud 'kubu'.
  - Lelaki yang berkahwin seolah-olah membina sebuah kubu dan dia dipanggil 'muhsin' manakala wanita pula dipanggil 'muhsinah' yang maksudnya bahawa dia masuk ke dalam kubu itu untuk berlindung daripada keburukan.

# PERKAHWINAN

- Adalah satu yang sangat ditekankan di dalam Islam. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad saw:

*“Nikah itu adalah sunnahku dan berpaling dari sunnahku maka dia bukanlah daripadaku ( Ibnu ‘Asakir )*

Surah Ar-Rum menerangkan bahawa..

- Allah Taala menciptakan jodoh untuk manusia ....
- Kerana ada **rencana** dan **tujuan** Allah Taala dalam mencipta jodoh bagi manusia.




*Rencana Allah Taala memerintahkan manusia berkahwin adalah...*

- *Untuk melahirkan masyarakat yang suci dan bersih daripada segala bentuk keburukan apa lagi maksiat.*



Memahami tujuan perkahwinan ....

*Amat perlu kita memahami tujuan sebenar perkahwinan seperti yang diajarkan oleh Islam.*



Jika kita memahami tujuan  
suci sebuah perkahwinan  
maka kita akan *berusaha*  
*untuk mencapai segala tujuan*  
Allah Taala menyuruh kita  
berkahwin.

# *Tujuan perkahwinan menurut Islam...*

Al Baqarah : 188

*“...mereka adalah  
pakaian bagimu, dan  
kamu adalah pakaian  
bagi mereka...”*



# Kegunaan Pakaian ( "Libas" )

- *Menutupi tubuh ( agar aurat manusia tidak terbuka )*
- *Sebagai hiasan*
- *Melindungi daripada panas dan sejuk*




Oleh itu...sebagai '*pakaian*' maka suami atau isteri bertujuan.....

- ❖ Menutupi kelemahan yang ada pada suami dan isteri.
- ❖ Sebagai penghias dan dandanan kehidupan manusia
- ❖ Sebagai penyokong atau sandaran antara satu sama lain semasa kesusahan.

# Oleh itu di dalam Islam...

- Perkahwinan bukanlah hanya satu penyatuan antara lelaki dan perempuan.
- Atau sebagai jalan untuk memuaskan nafsu sahaja.




# Tetapi .....

you are  
**my strength**  
when i am weak



Perkahwinan merupakan satu penyatuan suci antara dua orang insan sebagai pasangan hidup kerana **kesucian** atau **kehancuran** umat manusia bergantung kepada **kebaikan** atau **kejahatan** yang dilakukan oleh pasangan tadi.



# Al-A'raf : 190

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَغَشَّاهَا حَمَلَتْ حَبْلًا خَفِيْفًا فَبَرَّتْ بِهِ  
فَلَمَّا أَثْقَلَتْ دَعَا اللَّهَ رَبُّهَا لِيُنزِلَ آيَاتِنَا صَالِحًا لِنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِيْنَ ﴿١٩٠﴾

## Al-A'raf : 190

*“Dia-lah yang telah menciptakan kamu dari satu jiwa dan darinya Dia menjadikan pasangannya supaya ia mendapat ketenteraman di dalam dirinya”*



# Jadi menurut ayat ini...

- Tujuan sebenar perkahwinan adalah untuk mendapat *ketenteraman jiwa, kecintaan dan kasih sayang.*





## Al Baqarah : 188

“...supaya mereka terpelihara  
daripada keburukan jasmani dan  
rohani...”

# Perkahwinan

- Adalah satu unit yang paling asas dalam masyarakat dan asas sebuah keluarga adalah perkahwinan.
- Keluarga yang sihat rohani dan jasmani diperlukan untuk memelihara kelangsungan manusia di bumi ini.

# Islam melarang....

- Hidup membujang...kerana Islam menginginkan manusia mengembangkan potensi dirinya melalui perkahwinan.
- Supaya manusia mempunyai keturunan..





TENTERAM / KASIH  
SAYANG

PERKAHWINAN  
DLM ISLAM

KETURUNAN

MASYARAKAT  
YANG SUCI

KESUCIAN /  
KEHORMATAN  
DIRI





# PERKAHWINAN MELAHIRKAN MASYARAKAT SUCI...

- **SIHAT – ROHANI & JASMANI**
- **PERGAULAN – SIHAT & DLM BATASAN**
- **BERPASANGAN - MENJAUHKAN PENYAKIT & KETURUNAN SUCI**

- Hendaklah difahami bahawa kesucian adalah satu perkara yang amat penting dalam Islam.
- Kesucian diri secara **individu** atau **perorangan** dan juga **masyarakat**.
- Islam menetapkan perkahwinan sebagai satu cara untuk memenuhi keperluan nafsu dan juga emosi manusia secara sihat.

- Perjumpaan atau 'dating', hubungan sulit atau hidup bersama tanpa berkahwin sebagai eksperimen ( banyak berlaku di negara barat ) dilarang keras oleh Islam.
- Hal-hal ini menyebabkan berlakunya keruntuhan moral dan kemusnahan keluarga dan akibat buruk kepada masyarakat.

- Menjalani kehidupan dengan melampiaskan nafsu semata-mata tanpa jalan yang sah adalah dilarang di dalam Islam.
- Perbuatan maksiat dan penzinahan dilarang oleh Islam dan satu dosa yang amat berat.

- Islam melarang manusia melampiaskan nafsu tanpa ikatan perkahwinan yang sah.
- Perkahwinan merupakan jalan keluar yang terbaik kerana melaluinya terdapat satu tanggungjawab, tugas dan liabiliti.
- Sebagai contohnya anak merupakan satu tanggungjawab dan jika berlaku perceraian maka nafkah anak adalah liabiliti bagi si bapa.



- Inilah tujuan perkahwinan supaya manusia terpelihara daripada perbuatan-perbuatan melampaui batas adat dan moral manusia.
- Pergaulan bebas membawa banyak keburukan kepada masyarakat dan penyakit seperti AIDS dan lain-lain.

- Negara yang mengamalkan kehidupan bebas menyebabkan kos perubatan meningkat kerana kerajaan terpaksa merawat para pesakit AIDS. Negara-negara yang telah menyedari akibat buruk pergaulan bebas ini telah berusaha menyedarkan masyarakatnya akan bahaya hidup tidak bermoral.

- Negara yang mempunyai ramai pesakit AIDS telah menjalankan program kehidupan bermoral melalui gereja atau pun sekolah-sekolah seperti di Afrika.
- Para pemimpin mereka mendapati bahawa apabila rakyatnya menjauhi pergaulan bebas penyakit AIDS dapat dikawal dan kos perubatan mereka pun menurun.

- Terbuktilah kebenaran ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw. Iaitu dalam Al-Isra : 32
- *“Janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji, dan suatu jalan buruk”*

- Ini adalah kerana perkahwinan bukan sahaja melibatkan peribadi suami dan isteri tetapi kepada anak keturunan mereka.
- Rumahtangga syurgawi yang dibina atas dasar keimanan akan melahirkan zuriat penerus yang sihat jasmani dan rohaninya.



- Seorang suami atau isteri yang bertakwa akan menjadi contoh tauladan bagi anak-anak mereka. Anak-anak akan menyerap ketakwaan dalam diri orang-tua mereka ( Hazrat Khalifatul Masih IV ra ).
- Namun bagi suami isteri yang kurang ketakwaan dan membuat keburukan maka anak-anak pun mengambil juga kelemahan tersebut.

# Pemilihan jodoh/Perkahwinan yang diatur

- Islam amat menitik-beratkan pemilihan calon suami atau isteri yang benar-benar bertakwa dan beriman.
- Islam menginginkan agar perkahwinan memberikan hasil terbaik kepada kedua pasangan dan keluarga masing-masing.

# Panduan Rasulullah saw

- “Wanita dikahwini kerana salah-satu dari empat sebab: kerana **hartanya**, kerana **keturunannya**, kerana **kecantikannya** atau kerana **agamanya**. Maka pilihlah wanita yang beragama supaya engkau selamat.” ( Bukhari dan Muslim )

- *“Wanita terbaik adalah dia yang apabila engkau pandang engkau akan merasa senang. Apabila engkau perintahkan, dia patuh padamu. Bila engkau beri sesuatu kepadanya dia akan menerimanya dengan senang hati. Apabila kamu pergi dia akan menjaga dirinya dan juga memelihara hartamu.” (An-Nasaai)*

- “Kahwinkanlah (wanita) dengan laki-laki yang bertakwa kepada Allah. Kalau dia mencintainya dia akan menghormatinya. Kalau dia tidak menyukainya dia tidak menganiayanya”



- Ketakwaan dan akhlak yang baik adalah perkara utama yang perlu dicari pada bakal pasangan menurut ajaran Rasulullah saw.

- Jika pasangan suami isteri adalah pasangan yang soleh maka setiap aspek kehidupan yang dilalui akan dilihat dari sudut ketakwaan.
- Selain itu faktor seperti latarbelakang keluarga, umur, pendidikan dan minat juga diambil kira.

- Tidak kurang pentingnya melaksanakan doa meminta jodoh yang baik.
- Hazrat Khalifatul Masih IV ra mengajarkan agar semua orang Ahmadi mengamalkan doa ini untuk mendapat pasangan dan keturunan yang baik.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ  
أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٤٣﴾

# Ertinya

- Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami dari isteri-isteri kami dan keturunan kami menjadi penyejuk mata kami; dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.



- Hazrat Khalifatul Masih IV rta mengajarkan agar doa ini diamalkan jauh sebelum seseorang bertemu jodoh agar mendapat jodoh yang baik dan juga anak keturunan yang mutaqi.

# Solat Istikharah

- Solat Istikharah perlu ditunaikan demi mendapat petunjuk daripada Allah Taala tentang keserasian pasangan.
- Oleh itulah Islam melarang 'dating' yang kononnya untuk mengenali lebih dekat bakal pasangan kerana hal ini boleh diatasi dengan meminta petunjuk daripada Allah Taala.

- Oleh itu perkahwinan pasangan dalam Jemaat biasanya diatur oleh keluarga atas persetujuan bakal pengantin.
- Bagi masyarakat hari ini hal demikian agak pelik apa lagi bagi masyarakat Barat hal ini tidak dapat diterima akal.

- Namun sebenarnya cara demikian telah diamalkan ratusan tahun dan terbukti menghasilkan perkahwinan yang berjaya!
- Kadar perceraian tinggi dalam masyarakat barat dimana dating menjadi amalan, manakala dalam masyarakat Islam perkahwinan yang diatur oleh ibu bapa lebih kekal dan stabil.

- Rasionalnya adalah kerana ibu bapa amat mengenali watak anak mereka dan pastinya mencari pasangan yang sesuai.
- Namun bagi mereka yang lebih suka memilih sendiri dan keluar berdating dengan kerap bahaya terjerumus ke dalam godaan nafsu amat besar.

- Perkahwinan mungkin terjadi kerana tarikan kecantikan atau harta sahaja tetapi setelah berkahwin barulah disedari bahawa mereka bukan pasangan yang sepadan.
- Tarikan kecantikan atau ketampanan wajah akan hilang seiring dengan peredaran masa terutama apabila terjadi masalah-masalah lain dalam perkahwinan tadi.



- Bagi perkahwinan yang diatur oleh keluarga perlu mendapat persetujuan daripada anak terlebih dahulu.
- Tiada perkahwinan paksa di dalam Islam.

# Larangan dalam perkahwinan

- Allah Taala telah menetapkan peraturan dalam perkahwinan.
- Diantaranya adalah, Islam mengajarkan seseorang Muslim berkahwin dengan hanya orang Muslim ( Al Baqarah : 222 )

# Perintah Hazrat Masih Maud as

- Melarang para wanita Ahmadi berkahwin dengan lelaki yang bukan Ahmadi ( Ghair Ahmadi ).
- Larangan ini mempunyai alasan yang kukuh. Ini adalah kerana apabila seorang wanita berada dalam lingkungan keluarga suami yang bukan Ahmadi, dia dan anak-anak akan terpengaruh dengan kebiasaan dan budaya orang-orang bukan Ahmadi.

- Dalam keadaan demikian amat sukar bagi wanita Ahmadi untuk berpegang teguh dalam keimanannya kepada segala ajaran Jemaat atau Islam yang sebenar.
- Demikian juga sukar baginya untuk mendidik anak-anak menjadi seorang Muslim yang sejati.

- Namun bagi lelaki berkahwin dengan wanita yang bukan Ahmadi juga dilarang melainkan wanita itu dibai'atkan terlebih dahulu.
- Bagi lelaki bukan Ahmadi setelah bai'at dia harus menunggu setahun barulah pernikahan dibenarkan dan bagi wanita pula sekurang-kurangnya 6 bulan.

# Perlu izin Khalifah

- Sesiapa yang ingin berkahwin lebih awal harus meminta izin daripada Hazrat Khalifatul Masih V terlebih dahulu melalui Mubaligh Bertugas.
- Sesiapa yang melanggar peraturan demikian akan dihukum oleh Jemaat.

Mengapa dilarang berkahwin dengan yang bukan Ahmadi – penjelasan Hazrat Khalifatul Masih IV rta

- Kerana kita mempertaruhkan keimanan kita – ini tidak dibenarkan.
- Hal demikian kita menggunakan perkahwinan untuk memaksa seseorang masuk ke dalam agama yang kita anuti. Ini bukan cara menyebarkan Islam.



- Jika seseorang dibai'atkan sebagai tiket untuk berkahwin maka selagi perkahwinan itu bertahan maka selagi itulah pihak isteri atau suami berada dalam agama atau Jemaat.
- Rasulullah saw bersabda “Amal itu bermula dari niat” – niat apa pun akan menghasilkan tindakan atau perbuatan.

- Bagi seorang Muslim niatnya hendaklah sentiasa kerana Allah Taala. Tetapi jika niat di hati kerana tujuan duniawi maka apabila tercapai ia berakhir di situ. Jika anda berkahwin kerana kecantikannya, harta atau kedudukan duniawinya maka apabila berkahwin maka niat itu sudah tercapai ia berakhir di situ.

- Namun jika niat anda berkahwin kerana Allah Taala yakni demi agama maka tindakan anda akan membawa anda kepada sesuatu yang berkekalan.
- Jika niat anda kerana keduniaan maka anda menipu diri sendiri dan Tuhan. Anda akan berhadapan dengan Tuhan selepas itu.

- Seseorang boleh sahaja mengatakan *“saya sekarang sudah menjadi seorang Ahmadi dan akan berkahwin dengan anak tuan”*.
- Mungkin kita akan gembira namun tidak dapat menjenguk ke dalam hatinya untuk tahu apa niat atau tujuannya.

- Anda akan berhadapan dengan akibat penipuannya jika niatnya masuk ke dalam Jemaat hanya untuk berkahwin.
- Namun Allah Taala tidak akan dapat ditipu.

Mengapa Jemaat melarang berkahwin dengan bukan Ahmadi sedangkan golongan Islam lain tidak?

- Soal jawab dengan Hazrat Khalifatul Masih IV rta

*“ Ada ramai ulama mengeluarkan fatwa untuk pengikut mahzab mereka masing-masing. Malahan para ulama ini memfatwakan bahawa sesiapa yang berkahwin dengan orang yang bukan daripada mahzab mereka maka perkahwinan itu tidak sah dan anak-anak yang lahir daripada perkahwinan ini adalah anak-anak haram!”*

- *“.....Namun tidak demikian bagi Jemaat kita. Ada ramai wanita Ahmadi berkahwin dengan lelaki yang bukan Ahmadi dan mereka dihukum. Tetapi setelah beberapa waktu mereka menyesal lalu meminta maaf kepada Hazrat Khalifatul Masih. Mereka dimaafkan tanpa syarat seperti mereka harus berpisah dengan suami bukan Ahmadi mereka. Inilah cara Jemaat dengan lemah-lembut menerima mereka...”*



# Takut kahwin kerana kemiskinan...

- Ada orang yang tidak mahu berkahwin kerana merasa tidak mampu disebabkan tidak berharta.
- Islam mendorong umatnya untuk mendirikan rumahtangga dengan bertawakkal kepada Allah Taala.

- Soal kaya atau miskin dalam Islam bukan masalah kerana Allah Taala Allah swt menjamin rezeki untuk semua makhluknya.
- Dalam Surah Al-Isra' : 31 – *“Kami-lah yang memberi rezeki (kepada anak-anakmu) demikian pula kepadamu.”*

# Proses Perkahwinan

- Dalam melaksanakan setiap perkara yang penting Islam mengkehendaki agar setiap perkara itu dilaksanakan mengikut peraturan yang diajarkan di dalam Al Quran dan Hadis Nabi Muhammad saw.

- Demikian halnya dengan perkahwinan. Islam telah memberikan garis panduan perkahwinan yang perlu dipatuhi oleh orang-orang Islam.
- Biar pun penganut Islam berada di mana-mana bahagian dunia dengan bahasa dan budaya yang berbeza-beza, namun pelaksanaan perkahwinan tetap berpegang kepada garis panduan yang ditetapkan dalam Al Quran dan hadis.

# Melamar atau Meminang

- Allah swt berfirman di dalam Al Quran Al Baqarah : 236

*“Tidak ada dosa atas kamu meminang wanita itu, baik dengan sindiran atau kamu menyembunyikan ( hasrat untuk kawin ) dalam hatimu kerana Allah Maha Mengetahui bahawa kamu akan menyebut mereka. Janganlah kamu mengadakan perjanjian kahwin dengan mereka secara sembunyi melainkan mengucapkan kepada mereka kata-kata yang makruf.....”*

- *“..Janganlah kamu menentukan akad nikah sebelum iddahnya berakhir. Ketahuilah bahawasanya Allah mengetahui apa yang ada dalam hatimu, takutlah kepada Allah”.*

- *Ayat ini menunjukkan bahawa peminangan dibenarkan di dalam Islam dan ia menjadi pendahuluan dan mata rantai dalam proses perkahwinan atau pelaksanaannya.*

# Akad Nikah

- Ini adalah langkah kedua dalam proses perkahwinan berdasarkan hukum yang terdapat di dalam Al Quran, Surah An-Nur: 32 *“Nikahi atau kahwinilah orang yang sendirian di antaramu”*
- An-Nisa:3 – *“Kahwinilah wanita yang kamu sukai dari antara wanita...”*



- Semasa pernikahan pengantin lelaki dan wakil atau wali bagi wanita harus hadir. Pengantin wanita pula boleh tidak hadir semasa pernikahan kerana sudah pun diwakili oleh wali.

- Majlis pernikahan dijalankan oleh sama ada Mubaligh atau Presiden Jemaat sesuatu cabang Jemaat.
- Prosedurnya juga amat ringkas. Satu borang nikah diisi dan nikah pun diumumkan dan disaksikan oleh para hadirin.

- Mubaligh atau mana-mana pihak yang menikahkan hendaklah membacakan Khutbah Nikah dan bertanya persetujuan pengantin lelaki serta wakil atau wali pengantin wanita. Serentak dengan itu mas kahwin pun diumumkan. Majlis diakhiri dengan doa.

- Setelah itu pasangan perlu mendapatkan sijil nikah yang sah dengan melaksanakan pernikahan di bawah kerajaan yang memerintah.

# Mas Kahwin / Mehr

- Mas kahwin adalah satu hadiah yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya.
- Al Quran menyebutkan ini dalam Surah Al-Nisa : 25
- Jumlah mas kahwin adalah sebanyak 6 bulan pendapat suami. Ia boleh diserahkan sekali gus atau dibayar secara ansuran.

- Setelah diserahkan maka mas kahwin adalah hak isteri sepenuhnya dan isteri berhak menggunakan wang itu sesuka hatinya.
- Di dalam Jemaat ini tidak ada hantaran yang diisi di dalam dulang-dulang berhias.

# Rustana

- Setelah nikah, Rustana diadakan iaitu majlis sederhana yang diadakan di rumah pengantin wanita yang bertujuan menyambut dan membawa pergi pengantin wanita ke rumah suaminya.
- Majlis ini amat sederhana dengan minuman dan makanan ringan dan manisan. Ini disertai dengan doa. Majlis ini adalah untuk keluarga sahaja.

# Walimah / Majlis Perkahwinan

- Walimah bertujuan mengumumkan perkahwinan kepada masyarakat kerana perkahwinan secara rahsia dilarang oleh Islam.
- Walimah adalah satu bahagian yang wajib dilaksanakan dalam satu perkahwinan.
- Walimah diadakan di rumah pengantin lelaki dan semua kos majlis adalah tanggungjawab pengantin lelaki.



- Namun majlis ini haruslah dalam kemampuan pihak suami. Hazrat Khalifatul Masih V mengingatkan agar majlis ini diadakan secara sederhana dan dilarang berlebihan.
- Walimah perlu diadakan secara sederhana dan dalam kemampuan pihak lelaki.

# Larangan dalam majlis perkahwinan

- Bersanding dalam majlis yang disaksikan semua hadirin, ditepung tawar dan diarak menggunakan kompong.
- Percampuran bebas lelaki dan wanita tanpa ada parda.
- Majlis tari-menari atau memasang muzik semasa majlis.

# Isu-isu yang sering timbul...

- Apabila keluarga pihak lelaki atau wanita bukan Ahmadi hendak melangsungkan majlis mengikut adat mereka.

# Jalannya...

- Berterus-teranglah kepada semua pihak bahawa kita orang-orang Ahmadi yang tidak akan berpegang kepada mana-mana adat yang bukan daripada ajaran Islam **TERLEBIH DAHULU** sebelum anak kita memilih isteri atau suami dari kalangan bukan Ahmadi.

- Seandainya keluarga bukan Ahmadi itu tidak menyukai atau menentang kerana kita orang Ahmadi, tinggalkan sahaja niat kita kerana Allah Taala pasti menyediakan jodoh yang jauh lebih baik bagi kita.

# Jangan...

- Korbankan keimanan kita kerana perkahwinan yang melanggar peraturan atau perintah yang diajarkan oleh Hazrat Masih Maud as.
- Sudah banyak terbukti perkahwinan yang demikian menemui banyak kekecewaan...

# Hasilnya...

- Kita akan kehilangan anak kita kepada dunia dan kita akan dipersoalkan di hadapan Allah Taala nanti.